

Media Title

: Harian Metro

Headline

: Rugi RM350k diperdaya pelaburan tak wujud

Date

: 12 June 2024

Section

: Lokal

Page

: 3



# Rugi RM350k diperdaya pelaburan tak wujud

**Kluang:** Seorang penjawat awam kerugian lebih RM350,000 selepas terpe-daya dengan tawaran pelaburan tidak wujud di aplikasi Facebook.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, mangsa melayari satu pautan di Facebook pada 25 April lalu sebelum disambungkan ke aplikasi WhatsApp.

Menurutnya, mangsa berusia 37 tahun itu tertarik dengan pelaburan yang berasaskan saham syarikat dari China.

"Mangsa berhubung dengan suspek dan menyatakan minat untuk menyertai pelaburan dan dimasukkan ke dalam kumpulan WhatsApp lalu di-

berikan penerangan.

"Bermula 25 April 2024 hingga 30 Mei lalu, mangsa membuat 53 kali transaksi pemindahan wang kepada empat akaun bank di mana jumlah keseluruhan sebanyak RM358,120.

"Disebabkan menerima keuntungan, mangsa terus membuat pindahan wang sehingga berasa ditipu selepas tidak menerima apa-apa keuntungan lagi," katanya.

Menurutnya, mangsa juga membuat carian melalui laman sesawang dan menyedari pelaburan terabit tidak wujud.

Katanya, mangsa membuat laporan polis dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.